

<b>Headline</b>	<b>TNB nasihat orang ramai waspada tawaran kerja mencurigakan</b>		
<b>MediaTitle</b>	Sinar Harian	<b>Language</b>	Malay
<b>Date</b>	12 May 2016	<b>Readership</b>	837,000
<b>Circulation</b>	279,000	<b>Page No</b>	13
<b>Section</b>	Nasional	<b>Journalist</b>	N/A
<b>ArticleSize</b>	112 cm <sup>2</sup>		
<b>PR Value</b>	RM 5,731		



## TNB nasihat orang ramai waspada tawaran kerja mencurigakan

KUALA LUMPUR - Orang ramai dinasihatkan agar berwaspada dengan tawaran pekerjaan di Tenaga Nasional Berhad (TNB) tanpa melalui proses pengambilan warga kerja yang diamalkan oleh syarikat itu.

TNB dalam satu kenyataan, semalam, berkata, pihaknya telah menerima beberapa aduan mengenai tawaran kerja oleh individu yang menyamar sebagai warga kerja di syarikat bekalan elektrik terbesar di Malaysia itu.

Lebih membimbangkan



individu yang menyamar itu turut meminta sejumlah wang sebagai ganjaran kerja selain mernajukan surat tawaran kerja palsu.

Menurut kenyataan itu, pengambilan warga kerja oleh syarikat berkenaan akan dibuat menerusi iklan termasuklah di laman web [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my) atau terus ke link <https://email.tnb.com.my> serta portal

*JobStreet.com* dan bukannya melalui individu tertentu.

Malah, TNB juga tidak sama sekali meminta atau menerima sebarang pembayaran daripada pemohon kerana proses permohonan jawatan di syarikat berkenaan tidak membabitkan sebarang bayaran.

Justeru, mana-mana pihak yang menerima tawaran kerja mencurigakan dinasihatkan untuk berhubung terus dengan TNB di talian 03-22966537 atau 03-22966818.

- Bernama